



KENYATAAN MEDIA

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF MRT CORP TAMAT TEMPOH KONTRAK

Kuala Lumpur, 17 Disember 2018: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) ingin mengumumkan bahawa Ketua Pegawai Eksekutif Dato' Sri Shahril Mokhtar akan menamatkan tempoh perkhidmatannya pada penghujung tahun ini.

Shahril, yang mengambil alih pucuk pimpinan syarikat pemilik and pemaju Projek MRT Lembah Klang pada 5 Januari 2015, tidak akan melanjutkan tempoh kontraknya yang akan tamat pada 31 December 2018.

Keputusan ini adalah untuk membolehkannya menceburi kerjaya yang lain.

Shahril berkata peluang yang diberi kepadanya untuk berkhidmat dan menerajui MRT Corp merupakan satu penghormatan yang amat besar.

"Saya akan sentiasa menghargai setiap detik semasa saya di MRT Corp, terutamanya detik-detik kemuncak seperti pembukaan MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang, dan pelancaran pembinaan MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya," beliau berkata.

Lembaga Pengarah MRT Corp telah bermesyuarat pada 14 Disember 2018 dan membuat keputusan untuk melantik Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Pihak Berkepentingan Dato' Najmuddin Abdullah sebagai Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif. Beliau akan memegang jawatan tersebut sehingga Ketua Pegawai Eksekutif baharu dilantik oleh Kerajaan.

-end-/



Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Encik Leong Shen-Li

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

MRT Corp

Cik Amalina Ghazali

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my

MRT Corp